

Setiap detik **kesukaran**
melahirkan titisan **kejayaan.**

• **aktiviti**
mac & april ▶

Suara
ePerolehan



PELAKSANAAN MODUL PERANCANGAN PEROLEHAN SECARA PERINTIS



Public Finance Lab (PFR) - Procurement yang dilaksanakan di bawah Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah mencadangkan beberapa inisiatif baru untuk meningkatkan pengendalian fiskal yang lebih bijak dan berhemah. Salah satu daripada sasaran yang ditetapkan adalah membantu pengurusan aktiviti perolehan yang lebih cekap melalui perancangan perolehan.

Ciri-ciri utama modul Perancangan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Sebagai medium rujukan untuk melihat perancangan perolehan oleh agensi-agensi Kerajaan;
- ii. Proses semakan dan pemantauan oleh Kementerian dan Perbendaharaan terhadap proses perolehan yang dilakukan oleh PTJ dari semasa ke semasa;
- iii. Membenarkan PTJ menyemak dan mematuhi jadual perolehan yang telah dirancang bagi mengelakkan PTJ membuat perolehan pada saat-saat akhir di hujung tahun;
- iv. Mengelakkan PTJ dari memecah kecilkan perolehan mereka; dan
- v. Membenarkan Kementerian membuat analisa perbelanjaan bagi Kementerian dan semua PTJ di bawah seliaannya.



Pembangunan modul perancangan melibatkan beberapa versi seperti berikut:

BIL	VERSI	TARIKH PORTING	STATUS
1	1.0	2002	Modul Pelan Perolehan yang dibangunkan ketika ini tidak digunakan kerana terlalu detail dan sukar untuk dilaksanakan. Penambahbaikan Modul Pembelian Terus versi kedua yang dibuat pada tahun 2004 secara tidak langsung telah mengeluarkan modul ini daripada boleh diakses oleh pengguna.
2	2.0	29 April 2011	Modul Pelan Perolehan versi 2 yang melibatkan perancangan perbelanjaan telah dibangunkan dan telah di <i>port</i> ke dalam sistem pada 29 April 2011. Cadangan untuk mengguna pakai modul versi 2 ini diberhentikan kerana cadangan PEMANDU dalam makmal NKRA untuk menambah baik modul berkenaan.
3	3.0	Mac 2012	Perbincangan bersama BPK bagi cadangan <i>Procurement Plan New Requirement System</i> hasil daripada arahan makmal NKRA telah bersetuju untuk menambah baik ciri modul ini dengan memperkenalkan perancangan perolehan serta analisis perbelanjaan selaras dengan sasaran <i>Public Finance Lab (PFR) – Procurement</i> .

Modul Pelan Perancangan versi 3 dirancang untuk dilaksanakan dalam beberapa peringkat secara pilot dengan mengadakan latihan kepada 4 Kementerian terpilih seperti berikut:

BIL	KEMENTERIAN	TARIKH	TEMPAT
1	Kementerian Pertahanan	28 - 29 Mac 2012	Bilik Latihan BPM, Tingkat 6 Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur
2	Kementerian Kesihatan	2 - 3 April 2012	Makmal Komputer Aras 1, Institut Kesihatan Umum Kementerian Kesihatan Malaysia, Jalan Bangsar, 50590 Kuala Lumpur
3	Kementerian Dalam Negeri	9 - 10 April 2012	Bilik Makmal IT, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat KDN, Aras 5, Blok D2, Kompleks D, 62546 Putrajaya
4	Kementerian Pelajaran	12 April 2012	Bilik Latihan, Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4, Blok E11, Kompleks E, 62604 Putrajaya

ePEROLEHAN BERSAMA PEMBEKAL JOHOR BAHRU



Selepas taklimat di Miri dan Sibu Sarawak pada bulan Mac 2012, Unit ePerolehan dan CDCSB bergerak ke zon selatan iaitu negeri Johor untuk mengadakan taklimat sehari kepada pembekal. Objektif utama taklimat di Johor ini adalah untuk meningkatkan bilangan pembekal yang boleh mengguna pakai sistem ePerolehan.



Taklimat yang diadakan di Hotel New York, Johor Bharu pada 22 Mac 2012 itu dirasmikan oleh Pengarah Projek Perolehan Elektronik, YBhg. Dato' Abd. Shukor Bin Ibrahim dan Naib Presiden Kanan, Bahagian Operasi Perniagaan CDCSB, Pn. Norhisah Binti Md. Nor. Seminar ini telah mendapat sambutan dari 150 orang peserta di kalangan pembekal belum eP enable, pembekal yang baru mendaftar dengan Kementerian Kewangan dan juga pembekal secara luar talian (*offline*).

Taklimat ini merupakan peluang keemasan kepada Unit ePerolehan dan CDCSB untuk turun padang bertemu dengan pembekal-pembekal kawasan luar Lembah Kelang bagi memahami keperluan mereka terhadap perolehan secara elektronik. Taklimat ini melibatkan bimbingan tentang penggunaan sistem ePerolehan secara menyeluruh di samping memberi kesedaran tentang faedah menjadi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan serta berurus niaga mengguna pakai sistem ePerolehan.

A hand holding a golden baton against a background of white and yellow geometric lines. The baton is held horizontally, and the hand is positioned on the right side of the frame. The background consists of a complex network of white and yellow lines forming various geometric shapes, including triangles and polygons, set against a dark background.

Setiap individu merupakan
nadi dalam denyutan **kejayaan.**

Suara
ePerolehan

Taklimat Pembekal di Kampung Kuala Mai




Medan Infodesa (MID) merupakan entiti fizikal yang dilengkapi dengan prasarana ICT yang terletak dalam kawasan desa. MID menjadi fokus pertemuan fizikal setempat di samping menjadi pemangkin bagi merapatkan jurang digital di kawasan desa serta berfungsi sebagai latihan dan pusat pertemuan interaksi maya di kalangan masyarakat desa. Unit ePerolehan telah bekerjasama dengan MID seluruh negara untuk menjadi agen perantara bagi penduduk di kawasan luar bandar.

Dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, taklimat pembekal telah diadakan di Kampung Kuala Mai, Temerloh, Pahang pada 5 Mac 2012. Taklimat pembekal yang dilaksanakan oleh Unit ePerolehan dan CDCSB ini menyentuh kepada faedah yang diperolehi sekiranya pembekal berurusan dengan Kerajaan seperti peluang perniagaan yang lebih besar, kebaikan katalog elektronik, kelebihan

sistem ePerolehan dan keperluan mengurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan melalui Sistem ePerolehan.

Taklimat yang kali pertama diadakan kepada MID itu mendapat sokongan daripada pengurusnya, Pn. Nazihah Abdullah yang berpendapat ia merupakan masa sesuai untuk mengadakan taklimat seumpama itu di kampung tersebut.

“Semenjak MID dipilih sebagai agen ePerolehan di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, kami menerima respon yang amat baik tentang penggunaan sistem ini. Taklimat ini memainkan peranan yang penting kepada pembekal yang sudah berdaftar melalui sistem aplikasi web,” - Nazihah.



Wakil Kerajaan **Tanzania** kagum dengan penggunaan sistem **ePerolehan**

pemandangan di Tanzania

Pada 5 April 2012, Unit ePerolehan telah menerima lawatan delegasi daripada Institut Pengurusan Kewangan Republik Tanzania. Ketua delegasi, Dr. Jim Yonazi berpendapat bahawa ePerolehan ini adalah sistem yang berteknologi tinggi, amat mengagumkan serta amat cemerlang kerana berjaya diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dengan lebih kurang 170,000 pembekal bekalan dan perkhidmatan yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan.



Dr. Jim dalam ucapannya turut menyatakan bahawa sistem ePerolehan adalah sistem yang sophisticated dan maju ke hadapan dan penggunaannya berada di luar jangkauan negaranya.

Sesi taklimat selama dua jam disampaikan oleh wakil Unit ePerolehan Pn. Pinta Zulfitri Binti Mirza Asfian dan En. Mohd Hafidz Ahmad Zehnun dari CDCSB. Delegasi seramai 7 orang ini diberikan taklimat mengenai cara sistem ePerolehan di guna pakai oleh pengguna. Turut hadir menyambut kunjungan delegasi Tanzania ialah Pengarah Projek Perolehan Elektronik, YBhg. Dato' Abd. Shukor Bin Ibrahim dan Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, Pn. Nor'Aini Binti Abdul Razak.

Taklimat Integrasi ePerolehan- Pharmaniaga CDCSB dan KKM



pharmaniaga



Seramai 696 peserta menghadiri sesi taklimat integrasi ePerolehan-Pharmaniaga yang diadakan mulai 5 Mac hingga 25 April lalu.

Diadakan secara tiga peringkat, para peserta terdiri daripada 232 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan melibatkan Team KV dan OKV.

Taklimat yang disampaikan oleh Unit Pengurusan Kerajaan (GMU), Pengurusan Khidmat Pelanggan (CSM) kali ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pelaksanaan integrasi serta memberi penjelasan pelaksanaannya supaya tidak akan berlaku penindihan kerja.

Sebelum ini, pada tahun 2010 sebanyak enam PTJ telah terlibat di dalam projek perintis integrasi ini iaitu Hospital Selayang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Pejabat Kesihatan Klang, Pejabat Kesihatan Petaling and Pejabat Kesihatan Daerah Seremban.

Setelah mendapat maklum balas positif daripada projek perintis berkenaan, pihak KKM telah meluluskan untuk mengadakan sesi taklimat yang lebih menyeluruh. Melibatkan 696 peserta daripada 232 PTJ kementerian berkenaan, taklimat yang berlangsung selama lebih tujuh minggu itu telah diadakan dikesemua 14 negeri di Malaysia.

LAPORAN LATIHAN ePEROLEHAN

Mac - April 2012



Mac 2012

Sebanyak dua (2) sesi latihan kejurulatihan dan tiga (3) latihan kepada pengguna telah diadakan dengan perincian seperti butiran berikut:

TARIKH LATIHAN	LOKASI LATIHAN	MODUL LATIHAN	BILANGAN PESERTA
13-15 Mac 2012	INTAN Selatan	Sebut Harga, Tender dan eBidding	29 Orang
19-22 Mac 2012	Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya	Sesi Latihan Kejurulatihan modul Kontrak Pusat & Pembelian Terus Siri I	19 Orang
20-22 Mac 2012	INTAN Bukit Kiara	Kontrak Kementerian	25 Orang
20-22 Mac 2012	INTAN Sabah	Sebut Harga, Tender dan eBidding	27 Orang
26-29 Mac 2012	Pusat Latihan	Sesi Latihan	21 Orang

April 2012

Sebanyak tiga (3) sesi latihan kejurulatihan dan lima (5) sesi latihan kepada pengguna telah diadakan dengan perincian seperti butiran berikut:

TARIKH LATIHAN	LOKASI LATIHAN	MODUL LATIHAN	BILANGAN PESERTA
2-4 April 2012	INTAN Timur	Sebut Harga, Tender dan eBidding	32 Orang
2-4 April 2012	INTAN Utara	Kontrak Kementerian	32 Orang
2-5 April 2012	Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya	Sesi Latihan Kejurulatihan modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus	21 Orang
16-19 April 2012	Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya	Sesi Latihan Kejurulatihan modul Sebut Harga, Tender dan eBidding	15 Orang
23 April 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus	18 Orang
23-25 April 2012	INTAN Sarawak	Sebut Harga, Tender dan eBidding	21 orang
23-26 April 2012	Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya	Sesi Latihan Kejurulatihan modul Sebut Harga, Tender dan eBidding	17 orang
25-27 April 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian	34 orang



Suara
ePerolehan

Bekerjasama adalah lebih baik daripada **bersaing.**





4			8
48E-05	-0,264149	0,292133	0,0697
9E-08	-0,264149	0,292133	0,066
1186	-0,316421	0,452172	0
06	-0,316421	0,452172	0
	-0,315729	0,452172	0

KEDUDUKAN KEWANGAN YANG SIHAT

“Anda tidak boleh mencapai kedudukan kewangan yang sihat jika anda tidak merancang. Bagaimana caranya untuk mengetahui jika anda mempunyai kewangan yang sihat atau tidak. Berikut adalah ciri-ciri yang boleh dijadikan sebagai panduan.”

1. Kebolehan untuk hidup tanpa bergantung kepada hutang pengguna.
2. Keupayaan memiliki rumah bebas hutang sebelum bersara.
3. Keupayaan untuk menikmati persaraan yang terjamin dan dihormati.
4. Keupayaan untuk memberi pelajaran anak-anak yang menjamin pekerjaan.
5. Keupayaan untuk membayar secara tunai barangan runcit.
6. Keupayaan untuk bertahan ketika menghadapi kecemasan.
7. Keupayaan untuk hidup sepenuhnya, termasuk percutian, rekreasi dan aktiviti keluarga.



**Unit ePerolehan dan CDCSB berentap
sengit merebut piala pusingan**

HAZREE TUREE





Unit ePerolehan dan CDCSB berentap sengit di dalam usaha merebut Piala Pusingan Hazree Turee untuk sukan pool baru-baru ini. Akhirnya, pasukan Unit ePerolehan berjaya merangkul piala berkenaan apabila menang tipis dengan keputusan 4 kali menang berbanding 3 kali kalah pada kejohanan yang julung-julung kali diadakan itu.

Berlangsung pada 27 April di Endah Parade, Sri Petaling baru lalu, perlawanan melibatkan tujuh pasangan setiap pasukan.

Berikut senarai pemenang yang berjaya menewaskan 7 beregu lain :

- Juara** : Hazree Turee/Hairul Azizi Junid (CDCSB)
- Naib Juara** : Mohd Ameer Yusof/Kamal Yusri Ishak (CDCSB)
- Ketiga** : Nazaruddin Mohd. Amin/Amir (CDCSB)
- Keempat** : Megat Zolkafeli Megat Megat Abd Hamid/Heri Deni

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Projek Perolehan Elektronik, YBhg. Dato' Abd. Shukor Ibrahim yang turut sama beraksi dalam pertandingan kali ini.

Sekalung tahniah buat peserta beregu daripada CDCSB dan Unit eperolehan.

Selaku penganjur, CDCSB mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat memberi kerjasama sepanjang pertandingan ini berlangsung.

Penganjuran ini disifatkan mencapai objektif dan berjaya sebagai platform merapatkan lagi hubungan kedua-dua belah pihak.



Manisnya **kerjasama**
adalah ketika mengetahui
anda tidak berseorangan

rileksologi 2

		6	7		2	3	1	
8				9			2	7
7		5			8		9	
		9	3	6		8		2
4	7			1				3
2	6				9			1
	9	7				1		
	8		9		1	4	3	5
3	1				6	2	7	9

SUDOKU



Bolehkah anda mencari 5 perbezaan diantara kedua-dua gambar ini?

Semak Jawapan

3	1	4	5	8	6	2	7	9
6	8	2	9	7	1	4	3	5
5	9	7	4	2	3	1	8	6
2	6	3	8	4	9	7	5	1
4	7	8	2	1	5	9	6	3
1	5	9	3	6	7	8	4	2
7	2	5	1	3	8	6	9	4
8	3	1	6	9	4	5	2	7
9	4	6	7	5	2	3	1	8